

19/06/2001

Imit labur RM54j bina kilang komputer

IMIT Company Ltd (Imit) yang disenaraikan bursa saham Korea Selatan, akan melabur RM54 juta bagi membina kilang di Masjid Tanah, Melaka untuk mengeluarkan komputer peribadi jenama ImitPC bagi pasaran tempatan serta antarabangsa.

Bagaimanapun, bagi peringkat awal ini, Imit akan melabur RM12 juta untuk mengeluarkan 4,000 komputer sebulan sebelum ditingkatkan pengeluaran kepada 10,000 sebulan.

Pelaburan itu akan dibuat Imit melalui usaha sama dengan Fine Manufacturing & Marketing Sdn Bhd iaitu menubuhkan Imit Electronics (Imit Electronics) Sdn Bhd dengan modal berbayar sebanyak RM6.5 juta.

Melalui usaha sama itu, Imit memiliki ekuiti 49 peratus manakala Fine Manufacturing & Marketing pula memegang ekuiti 51 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Imit, Lee Hee Won, berkata ini adalah kilang pertama di luar negara syarikat itu selepas beroperasi lebih 10 tahun di Seoul dengan memasarkan komputer peribadi di Korea, China dan Kanada.

Katanya, IMIT memilih Malaysia, terutama Melaka, kerana tertarik kepada dasar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pembangunan teknologi maklumat (IT).

"Syarikat ini yakin komputer peribadi yang dikeluarkan akan mendapat pasaran tempatan berdasarkan kempen kerajaan Malaysia terhadap satu rumah satu komputer yang bakal meningkat kepada seorang satu komputer," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian membeli tanah industri Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam hadir menyaksikan Lee mewakili IMIT serta Pengurus Besar PKNM, Abdullah Jaafar menandatangani perjanjian bagi membeli tanah industri seluas 1.24 hektar di Masjid Tanah.

Selepas itu, Lee menyerahkan cek bernilai RM870,000 kepada Abdullah. Antara yang turut hadir ialah Pengerusi Fine Manufacturing & Marketing, Datuk As'ari Ibrahim.

Lee berkata, komputer yang dikeluarkan itu akan dijual pada harga kompetitif serta mampu dimiliki rakyat negara ini.

"Selain pasaran tempatan, syarikat ini akan berusaha memasarkan komputer pada peringkat antarabangsa," katanya.

(END)